

MEMBELA

WEALTH DISTRIBUTION

Keluaran Edisi 2023 | Bil. 2

RM1 JUTA TELAH DISUMBANG BAGI MANFAAT MANGSA BANJIR



Sejak 2020, Yayasan JCorp bersama syarikat Kumpulan JCorp telah menyumbang sebanyak RM1,049,800 kepada mangsa banjir seluruh negara. Yayasan JCorp telah bekerjasama dengan Southern Volunteers bagi memastikan setiap sumbangan sampai kepada golongan sasaran. Antara misi bantuan yang telah dijayakan sepanjang Januari - Mac 2023 ialah:

Misi Bantuan Pasca Banjir Yayasan JCorp
Bersama Southern Volunteers

RM 109,000

- Sumbangan 1000 helai selimut untuk mangsa banjir di Johor.
- Menyantuni mangsa banjir di Kampung Seri Medan & Parit Sulong, Batu Pahat.

Misi Bantuan Pasca Banjir Kelantan & Selangor

RM 170,000

- Bantuan kepada anggota pekerja JCorp dan Syarikat Kumpulan.
- Bantu RM500 untuk setiap pekerja JCorp dan Syarikat Kumpulan.

Kempen Sinar Syawal Mangsa Banjir Johor

RM 8,000

- 30 buah rumah di Kampung Parit Yob & Parit Yaani, Batu Pahat.
- 10 buah rumah di Kampung Sepakat Baru, Skudai, Johor Bahru.
- Sumbangan RM200 untuk setiap mangsa banjir.

Dana sumbangan ini menerusi

**YAYASAN
JCorp**

KULIM
A JCorp Company

**KPJ
HEALTHCARE**
A JCorp Company

**QSR
BRANDS**
A JCorp Company

JLS
A JCorp Company



Sila imbas kod qr ini untuk menyaksikan video
sumbangan kepada mangsa banjir di Batu Pahat

Isi Kandungan

Komponen	02
Program dan Aktiviti	
• Pendidikan	03 - 09
• Seni, Budaya & Warisan	10 - 11
• Alam Sekitar	12 - 13
• Kesejahteraan Komuniti	14 - 17
Aktiviti Kumpulan JCorp	18
Kalendar Aktiviti	19 - 20

01

PENDIDIKAN



**SENI, BUDAYA
DAN WARISAN**

02

03

ALAM SEKITAR



**KESEJAHTERAAN
KOMUNITI**

04

BANTUAN PENDIDIKAN IPT YAYASAN JCorp BERI MANFAAT 1,274 PELAJAR B40

YAYASAN JCorp menyediakan peruntukan tahunan bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kategori B40 di seluruh negara.

SYARAT UTAMA

- Gaji isi rumah di bawah RM4,000
- Purata pendapatan isi rumah di bawah RM800 (berdasarkan jumlah tanggungan keluarga)

PELAJAR LAYAK MENERIMA BANTUAN SECARA 'ONE-OFF' (PELAJAR SEPENUH MASA)

- Tahap Sijil & Diploma = RM700
- Sarjana Muda & Sarjana (Master) = RM1,000

Permohonan yang diterima juga dinilai menerusi sistem pemarkahan yang telah ditetapkan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Sumber & Bantuan Pendidikan Yayasan JCorp.

Yayasan JCorp turut mengalu-alukan sumbangan orang ramai bagi meluaskan lagi jangkauan Bantuan Pendidikan IPT ini melalui akaun Bank Islam: Yayasan Johor Corporation (01014010027795). Setiap sumbangan akan mendapat pelepasan cukai 10 peratus daripada pendapatan agregat individu atau syarikat



Sila imbas kod qr ini untuk menyumbang ke Yayasan JCorp



Apa Kata Mereka

"Selain sumbangan daripada Syarikat Dalam Kumpulan JCorp, Yayasan JCorp juga membuka peluang jalinan kerjasama dengan mana-mana badan korporat serta agensi berkaitan agar lebih ramai lagi anak Malaysia dapat dibantu yang pada akhirnya memberi impak besar terhadap peningkatan sosioekonomi negara."




Encik Fadhly Suffian Laili,
Pengerusi Jawatankuasa Sumber
& Penyaluran Dana Bantuan
Pendidikan Yayasan JCorp.



Muhammad Syahmi Naim
Mohd Shan UiTM Arau, Perlis

"Saya amat bersyukur menerima bantuan ini kerana sedikit sebanyak membantu meringankan beban ayah dan ibu saya bagi membiayai sebahagian yuran kemasukan ke universiti."

Bantuan Pendidikan IPT Yayasan JCorp



Jumlah Keseluruhan Sumbangan 2017-2023 : RM661,089

Jumlah Penerima Manfaat 2017 - 2023 : 1274

PROGRAM DELOITTE KIDSEDU TINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS

Program Deloitte KidsEdu diwujudkan sebagai akses kepada pelajar B40 yang mengalami kesukaran dalam mempelajari Bahasa Inggeris disebabkan kekurangan sumber dan peluang. Program ini memberi tumpuan untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris pelajar daripada komuniti yang kurang berkemampuan dengan memberi manfaat yang melibatkan 351 murid sekolah rendah di Johor.



Melibatkan 351 murid sekolah rendah di Johor

Akses kepada pelajar B40 mendapatkan pendidikan Bahasa Inggeris yang berkualiti

Program
Deloitte KidsEdu

Tenaga pengajar daripada kalangan sukarelawan Deloitte Malaysia dan Sahabat YJC

Sesi pembelajaran diadakan secara online

"Kemahiran Bahasa Inggeris adalah penting kerana dalam dunia pekerjaan, ia memungkinkan seseorang memperbaiki kemahiran berfikir termasuk kemampuan menganalisis, mensintesis dan mengevaluasi maklumat dengan lebih baik sekali gus membantu mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan lebih baik."

- Puan Nor Suhana Sulaiman, Rakan Kongsi Deloitte Malaysia



Sila imbas kod qr ini untuk menyaksikan temu bual bersama Puan Nor Suhana Sulaiman, Rakan Kongsi Deloitte Malaysia.

YAYASAN JCorp BANTU LAPAN PELAJAR B40 MENJADI AKAUNTAN BERTAULIAH



8 pelajar ACCA tajaan Yayasan JCorp kini sedang menuntut di Tymba Education College, Kuala Lumpur.

YAYASAN JCorp menyediakan biasiswa kepada lapan pelajar daripada keluarga B40 melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan iaitu Association of Chartered Certified Accountants (ACCA).

5 PELAJAR FIA - ACCA

17 SUBJEK
selama 4 tahun pengajian

3 PELAJAR ACCA

4 SUBJEK
selama 2 tahun pengajian

Kejayaan pelajar ini menjadi sumber inspirasi kepada pelajar lain daripada keluarga B40 yang bercita-cita untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan tinggi dan kerjaya dalam bidang perakaunan profesional. Program pembiayaan bantuan pendidikan Yayasan JCorp membantu menaikkan taraf dan mewujudkan kesaksamaan dengan menyediakan peluang kepada mereka yang mungkin tidak mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti.



Pelaksana kerjasama bagi program pembiayaan pendidikan Association of Chartered Accountants (ACCA)



Sila imbas kod qr ini bagi menyaksikan temu bual secara eksklusif bersama YBhg Datuk Zaiton Mohd Hassan, Ketua Eksekutif MyPAC.

TEMASEK FOUNDATION MELALUI NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATION (NIE) SEDIA BANTU YAYASAN JCORP JAYAKAN PROJEK STEM

10

Sekolah dalam bidang pertanian terpilih di Johor

Tema Cadangan: Pertanian bandar & Pencetakan 3D

Kerjasama unit TVET, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor & Farm-Byte Sdn. Bhd.



8 NOV 2022

Forum Pendidikan STEM Penuhi Keperluan Bakat Masa Depan

31 JAN - 8 FEB 2023

Lawatan ke 10 sekolah terpilih untuk melihat potensi projek oleh Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Jabatan Pertanian Negeri Johor

20 MAC 2023

Sesi Perkongsian Amalan Baik STEM- Penggunaan teknologi dalam tanaman kepada 10 buah sekolah

21 MAC 2023

Lawatan ke Southern Greens Sdn Bhd, ladang yang diuruskan oleh FarmByte Sdn Bhd serta lawatan projek tanaman SMK Telok Kerang Pontian

22 MAC 2023

Lawatan Temasek Foundation dan NIE ke KOMTAR dan membentangkan cadangan projek STEM



Sila imbas kod qr ini bagi menyaksikan program Lawatan Delegasi Singapura ke tapak projek pertanian

PEMEGANG SIJIL KEMAHIRAN LARIS DI PASARAN INDUSTRI

Yayasan JCorp komited menyatakan sokongan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran dengan inisiatif mewujudkan Program Latihan Industri dan program berasaskan kemahiran. Ia bertujuan memberi peluang kepada pelajar bidang kemahiran menjalani latihan industri di Syarikat Kumpulan JCorp dan syarikat strategik.

Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Institusi Kemahiran Yayasan JCorp juga membuktikan kesungguhan untuk menyumbang kepada melahirkan kelompok tenaga kerja berkemahiran bagi memenuhi tenaga kerja industri di Johor khususnya.

5 Kategori pensijilan Program SKM:



Kepentingan Sijil Kemahiran:

- Meningkatkan nilai potensi & kewibawaan.
- Memperkukuh daya saing.
- Mencerahkan peluang kenaikan pangkat & gaji.
- Memenuhi kepuasan & pembangunan diri sendiri.
- Melonjakkan kebolehpasaran.
- Berpendapatan tinggi menerusi gaji, bonus dan imbuhan lain.

Perkembangan terkini, Yayasan JCorp bersama pendidikan Negeri Johor, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) wilayah selatan dan QSR Brands(m) Holdings Bhd telah menjayakan Program SLDN.

SLDN merupakan singkatan daripada Sistem Latihan Dual Nasional. 'Dual' bermaksud latihan di dalam dua situasi pembelajaran iaitu tempat kerja yang sebenar (syarikat) yang merangkumi 70% hingga 80% latihan amali (prestasi) dan pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% pembelajaran teori (pengetahuan).

Objektif utama SLDN ialah melahirkan pekerja berpengetahuan (K-Workers) iaitu pekerja yang memiliki tiga elemen kompetensi iaitu:

Teknikal


Sosial & Kemanusiaan

Metodologi & Pembelajaran

Untuk projek rintis ini, seramai 25 pelajar SMK Tun Syed Nasir Ismail dan SMK Majidee Baru 2, Johor Bahru akan ditempatkan di 6 restoran KFC terpilih di Johor.

Apa Kata Mereka?

“Saya menjalani Latihan Industri & Kemahiran Yayasan JCorp pada 2022 dan kini bertugas sebagai juruteknik am di sebuah hotel. Saya berharap lebih ramai pelajar mengambil bidang kemahiran TVET kerana peluang kerja terbentang luas di luar sana.”



*Rismah Alya Adriana Md Rais,
alumni SMK Easter,
Kota Tinggi (Elektrik)*



*Muhammad Danish Syazwan,
pelajar PVMA (Pertanian),
SMK Seri Medan, Batu Pahat*

“Saya memilih bidang PVMA (Pertanian) di SMK Seri Medan, Batu Pahat kerana percaya peluang menjana pendapatan dalam industri ini semakin tinggi ditambah lagi dengan penggunaan sistem teknologi pertanian hari ini. Menjadi petani moden adalah satu daripada impian saya suatu hari nanti.”



*Sila imbas kod qr ini untuk menyaksikan
temu bual bersama Encik Mohamad Musa Ahmad,
Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan*

SENI, BUDAYA DAN WARISAN

YAYASAN
JCorp

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life

YAYASAN JCorp DEDAHKAN GOLONGAN MUDA DENGAN NILAI SEJARAH, BUDAYA DAN WARISAN



Seramai 450 peserta menyertai forum 'Memperkasa Jati Diri melalui Penghayatan Kepada Nilai Sejarah, Budaya dan Warisan'

YAYASAN JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan sokongan Yayasan Warisan Johor (YWJ) serta Persatuan Sejarah Malaysia, Negeri Johor telah menjayakan forum bertajuk 'Memperkasa Jati Diri Melalui Penghayatan Kepada Nilai Sejarah, Budaya dan Warisan' pada 13 Februari 2023 di KPJ International College, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

Matlamat:


Program ini adalah titik mula kepada bidang fokus utama Seni, Budaya dan Warisan Yayasan JCorp pada 2023. Seterusnya, Yayasan JCorp merancang kolaborasi bersama KPJ Healthcare Berhad untuk mewujudkan galeri seni di rangkaian hospital KPJ terpilih terutama di Johor.

Info Menarik:

Forum ini mendapat maklum balas positif peserta yang hadir secara fizikal mahupun di platform atas talian yang bertanyakan soalan serta memberi saranan. Antara topik yang menjadi tumpuan adalah berkaitan jati diri dengan sejarah Negeri Johor dan 11 Jati Diri Bangsa Johor.



Sila imbas kod qr ini untuk mengetahui maklum balas peserta forum dan rangkuman sepanjang forum berlangsung



GALERI SENI BAKAL JADI DAYA TARIKAN DI HOSPITAL PAKAR KPJ BANDAR DATO' ONN, JOHOR BAHRU



Galeri seni ini dijangka dibuka kepada pelawat pada September 2023.

Fokus inisiatif:

Sebagai platform kepada artis tempatan untuk mempromosikan dan menjual karya mereka.

Kerjasama antara Yayasan JCorp dan KPJ Healthcare Berhad dengan sokongan Yayasan Warisan Johor dan Tourism Johor.

Projek kerjasama:

Untuk menjadikan Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn, sebagai projek pemula kepada program Seni, Budaya dan Warisan Yayasan JCorp dengan mewujudkan galeri seni.

Impak :


- Penyertaan oleh 16 artis tempatan.
- 50% daripada 16 artis menjual sekurang-kurangnya 3 karya seni.
- 10% peningkatan pengunjung
- 16 artis meningkatkan pengikut mereka di media sosial sebanyak 5%

Apa Kata Mereka?

"Pembinaan galeri seni ini bukan sahaja tertumpu untuk pesakit, malah penjaga pesakit dan warga hospital yang turut memerlukan terapi agar terus komited menjalankan tugas"



Puan Noor Haslina Harun
(Ketua Pegawai Eksekutif,
Hospital Pakar KPJ Bandar
Dato' Onn)



Puan Mahani Zainal
(Pengurus Operasi, Hospital Pakar
KPJ Bandar Dato' Onn)

"Saya percaya inisiatif sebegini mampu memberi impak kepada hospital seterusnya menjadi daya tarikan kepada mereka yang ingin mendapatkan rawatan di sini"

PROGRAM SAYANGI SUNGAI JOHOR PELIHARA KUALITI AIR



Program Sayangi Sungai Johor telah diadakan pada 12 Februari 2023

Info Menarik:


- Sungai Johor dijadikan tapak kajian kerana ia merupakan sumber air yang utama di Selatan Johor.
- Majlis perasmian program disempurnakan oleh YB Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi.

Objektif program:

Meningkatkan kesedaran awam mengenai penjagaan sungai dan pemeliharaan kualiti air.

Aktiviti program

- Pemeriksaan kesihatan percuma oleh KPJ International College Johor Bahru. (Pemeriksaan tekanan darah, Pemeriksaan berat badan (BMI), Pemeriksaan kadar gula dalam darah, Pemeriksaan payudara)
- Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.
- Pertandingan kuiz.
- Pameran pihak agensi terlibat.






Pendapat peserta program Sayangi Sungai Johor

“Setiap daripada kita bertanggungjawab supaya sungai sentiasa bersih dan selamat. Program sebegini harus dijayakan secara berkala agar masyarakat sentiasa cakna dengan kebersihan sungai.”



Amirah Syafiqah Baharudin,
Sukarelawan Sahabat YJC
(KPJ International College, Johor Bahru)



Muhammad Aiman Mohd Hanafi,
Sukarelawan Sahabat YJC
(KPJ International College, Johor Bahru)

“Saya adalah ahli Sukarelawan Sahabat YJC dan ini kali pertama menyertai program pembersihan sungai. Aktiviti yang dilakukan sangat menyeronokkan kerana dilakukan secara bergotong-royong bersama masyarakat setempat.”



Nurul Farhana Ayub, Nursing
Instructor, (KPJ International College,
Johor Bahru)

“Sungai yang bersih dengan suasana nyaman akan menjadi daya tarikan pelancong datang ke Johor. Untuk itu, mari kita sama-sama menghargai alam ini dengan tidak membuang sampah sesuka hati kerana perbuatan itu boleh mencemarkan sumber air dan alam sekitar. Terima kasih Yayasan JCorp kerana memberi peluang kepada kami untuk sama-sama terlibat dalam program bermanfaat ini.”

AGROTERAPI RUMAH HIJAU BANTU CPJ JANA PENDAPATAN

Manfaat :

- Mampu membawa pulangan yang dianggarkan RM800 hingga RM1,000 sebulan sejak diusahakan pada akhir Disember 2022.
- Projek tanaman sayuran salad itu mendapat sokongan padu komuniti setempat yang membeli hasilnya.
- Menambah dana Persatuan Cerebral Palsy Johor (CPJ).
- Aktiviti tanaman di rumah hijau adalah satu bentuk terapi yang menyediakan aktiviti berstruktur dalam suasana pertanian bagi membantu perintis.

Objektif :

- Membantu perintis meningkatkan koordinasi motor kekuatan dan daya tahan.
- Komunikasi melalui hubungan penyembuhan antara manusia, tumbuh-tumbuhan dan ekosistem sekitarnya.

Info :

- Sayuran seterusnya yang akan ditanam ialah rock melon.
- Yayasan JCorp sangat mengalu-alukan penglibatan awam dan mana-mana agensi dan syarikat korporat untuk terus menyokong CPJ seterusnya membentuk komuniti yang penyayang dan prihatin.



Sayur salad yang ditanam di rumah hijau Persatuan Cerebral Palsy Johor.



Harapan Mereka

"Kami mengharapkan pelajar-pelajar di sini diberi peluang untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat di luar sana. Ada sebahagian pelajar-pelajar di sini mampu untuk bekerja di pejabat dan juga lapangan berdasarkan keupayaan mereka, dan diberi layanan yang sama sebagaimana pekerja normal yang lain. Namun, janganlah pula kita mengambil kesempatan untuk memperlakukan perkara yang tidak adil kepada mereka"



Yang Berhormat Mulia
Tunku Fatimah Faridah binti
Tunku Osman,
Pengerusi Persatuan Cerebral Palsy Johor



Mohd Faris Adli Shukrey,
Pengarah Urusan
Kulim (Malaysia) Berhad

"Kami akan mengenal pasti tanaman lain yang bersesuaian untuk ditanam di rumah hijau ini di samping membantu CPJ meluaskan lagi pasaran agar hasil jualan lebih banyak seterusnya menambah dana di CPJ secara berterusan."

"Pepatah Cina ada menyebut, bila anda beri seseorang ikan, maka anda memberinya makan untuk satu hari tetapi bila anda ajar seseorang itu memancing, maka anda akan memberinya makan seumur hidup. Maksudnya jika kita ingin menolong orang, jangan memberikan apa yang dia perlukan namun berilah bantuan agar mereka mampu berÅ dikari."



Al Asyraf Zulkefli,
Pentadbir Kumpulan
Persatuan Cerebral Palsy Johor



Sila imbas qr kod ini untuk
menyaksikan video aktiviti
pelajar CPJ

YAYASAN JCORP & JLAND KOMITED MEMPERKASA PROJEK RUMAH HIJAU HIDROPONIK



Projek rumah hijau hidroponik di Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru kukuhkan muafakat komuniti

Matlamat:

Memperkasa peranan komuniti untuk pembangunan dan kesejahteraan masyarakat menerusi projek Rumah Hijau Hidroponik.



1

Info Menarik :

Projek sejak 2021 & keluasan 700 kaki persegi serta dilengkapi sistem IoT (Internet of Things) iaitu tanaman sayur-sayuran berdaun hijau dikawal dan dipantau secara online.



2

Usaha kolektif ini mampu mewujudkan interaksi sosial yang aktif, mendukung agenda kerajaan dalam menyediakan keterjaminan makanan di komuniti setempat, serta mengekalkan kelestarian alam sekitar.



3

Majlis Penyerahan Rumah Hijau Hidroponik kepada Persatuan Penduduk Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru disempurnakan Pengarah Eksekutif JLand, Tuan Haji Mohd Yusof Ahmad.

"JLand mewujudkan Rumah Hijau Hidroponik, yang dikenali sebagai "rumpunKITA". Satu inisiatif ESG untuk komuniti setempat."

"Rumah hijau ini akan diperluas ke perjiranan lain & aktiviti menarik akan disusun sebagai tanda sokongan ke arah kelestarian alam," katanya.

Kursus Pengendalian Sistem Hidroponik IoT dikendalikan oleh Urban Farm Tech Sdn Bhd untuk 50 peserta dari Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn pada Januari 2023.

Telah menghasilkan lebih 100 kg sayuran & berjaya memberi manfaat kepada komuniti setempat. Antara tanamannya adalah bayam, pak choy, sawi & kangkung.



Majlis Penyerahan Rumah Hijau Hidroponik kepada Persatuan Penduduk Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Majlis disempurnakan Pengarah Eksekutif JLand, Tuan Haji Mohd Yusof Ahmad selaku wakil rasmi Pengarah Bertanggungjawab.



Sila imbas kod qr ini untuk menyaksikan video majlis penyerahan

KULIM ANJURKAN LARIAN HIJAU DAN PENANAMAN POKOK UNTUK INISIATIF LESTARI

Tujuan:

Adalah sebahagian inisiatif KULIM memberi inspirasi dan motivasi kepada warga kerjanya untuk menerapkan gaya hidup sihat dalam amalan harian.

Antara Jenis tanaman:

- Pokok merbau (Intsia palembanica) iaitu pokok kebangsaan Malaysia
- Pokok Johor (Lepisanthes Alata)
- Pokok kempas (Koompassia malaccensis)

"Kesejahteraan fizikal dan mental adalah kunci bagi mencapai keseimbangan yang lebih baik yang akan meningkatkan pertumbuhan profesional dan peribadi," Pengarah Urusan KULIM, Encik Mohd Faris Adli Shukery.

Maksud Lokasi larian hijau:

- KULIM meraikan dan memperingati pembukaan semula KETR yang ditutup selama tiga tahun akibat pandemik COVID-19
- Melalui kerja-kerja ubah suai.

Masa terpanjang yang dicatatkan untuk larian 4km adalah 15 minit di mana peserta berlari merentas ladang sawit dan di pinggir Sungai Johor.

Info:

Bangunan utamanya dibina pada 1930-an sebagai kediaman Pengurus Ladang Diubah suai menjadi pusat peranginan, pusat latihan, dan tarikan utama pelancong Terletak hampir 50 meter dari pinggir Sungai Johor Menawarkan pelbagai kemudahan serta panorama yang unik.

Acara menanam pelbagai pokok hutan tropika di pinggir Sungai Johor. Disertai oleh pihak pengurusan dan diketuai oleh Encik Mohd Faris Adli Shukery.

5 Kategori Penyertaan:

- Terbuka Lelaki
- Terbuka Wanita
- Pekerja Ladang
- Kanak-Kanak (Bawah 17)
- Kanak-Kanak (Bawah 12)

Hadiah:

Hadiah utama dalam bentuk 'hijau' iaitu anak pokok (Baucar)

Acara lain kanak-kanak:

Bermain istana, membuat buih gergasi dan meneroka sisi kreatif dengan seni pasir.



Seramai 370 peserta menyertai Larian Hijau KULIM yang diadakan di Kulim Eco-TRAIL Retreat, Kota Tinggi

JANUARI 2023

7 JAN

Kursus Pengendalian Sistem Hidroponik IoT bagi projek Rumah Hijau Hidroponik di Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Taklimat disampaikan Encik Francis, Pengasas Urban Farm Tech Sdn Bhd kepada 50 peserta dari komuniti setempat.



29 JAN

Temu bual bersama Ketua Agrofarm, Kulim FarmByte Sdn Bhd, Encik Azhar Ahmad, menerusi Cerita Pagi Johor di slot Selamat Pagi Malaysia TV1. Temubual berkisar mengenai Projek Rumah Hijau Agro Terapi Persatuan Cerebral Palsy Johor (CPJ).



30 JAN

Sesi pertemuan bersama Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC) dan pelajar program dan ACCA yang menerima tajaan Yayasan JCorp di Tymba Education College, Kuala Lumpur.



31 JAN

Lawatan ke SMK Taman Universiti 2 dan SMK Taman Desa Skudai, Johor Bahru bagi meninjau potensi projek pertanian bandar Sustainable School STEM.



FEBRUARI 2023

1 FEB

Lawatan ke SMK Tun Syed Nasir Ismail dan SMK Bandar Baru UDA, Johor Bahru bagi pemantauan program Sustainable School STEM.



2 FEB

Lawatan ke SMK Sri Medan, Batu Pahat bagi pemantauan program Sustainable School STEM. Hadir sama wakil Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Jabatan Pertanian Negeri Johor.



Lawatan ke SMK Air Tawar, Kota Tinggi bagi pemantauan program Sustainable School STEM.



7 FEB

Lawatan ke SMK Sri Rahmat, Johor Bahru bagi pemantauan program Sustainable School STEM.



8 FEB

Lawatan bagi pemantauan program Sustainable School STEM ke SMK Telok Kerang, Pontian.



9 FEB

Yayasan JCorp mengadakan lawatan ke SMK Buloh Kasap, Segamat bagi pemantauan program Sustainable School STEM.



12 FEB

Yayasan JCorp menyertai Program Sayangi Sungai Johor anjuran Universiti Teknologi Malaysia menerusi Pusat Pelestarian Alam Sekitar dan Sekuriti Air (IPASA) di Dewanraya Sungai Telor, Kota Tinggi.



13 FEB

Forum "Memperkasa Jati Diri Melalui Penghayatan Kepada Nilai Sejarah, Budaya dan Warisan" diadakan di KPJ International College, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.



15 FEB

Lawatan ke SMK Bandar Penawar, Kota Tinggi bagi pemantauan program Sustainable School STEM.



23 FEB

Bengkel Kerja Penyelarasan Program Sustainable School STEM telah diadakan di Level 24, Menara KOMTAR, JBCC, Johor Bahru melibatkan 20 guru sekitar Johor.



MAC 2023

4 MAC

Yayasan JCorp bersama Syarikat Dalam Kumpulan JCorp menyumbang 1,000 selimut kepada mangsa banjir di Johor menerusi Southern Volunteers. Serahan sumbangan diadakan di Pejabat Sekretariat Sukma Johor.



18 MAC

Majlis Penyerahan Rumah Hijau Hidroponik kepada Persatuan Penduduk Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Majlis disempurnakan Pengarah Eksekutif JLand, Tuan Haji Mohd Yusof Ahmad selaku wakil rasmi Pengarah Bertanggungjawab (Director-In-Charge), Encik Zamri Yusof kepada Pengerusi persatuan, Encik Muhammad Najib Hassan.



19 MAC

Yayasan JCorp menyertai misi Bantuan Pasca Banjir ke Batu Pahat bersama Southern Volunteers. Majlis pelepasan telah disempurnakan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Johor.



21-22 MAC

Program lawatan kerjasama antara Johor - Singapura bagi pelaksanaan program pendidikan STEM. Program bermula dengan sesi lawatan ke ladang Southern Greens Sdn Bhd, syarikat Kulim (Malaysia) Berhad di Ulu Tiram, Johor dan pada sebelah petang ke SMK Telok Kerang, Pontian. Seterusnya pada 22 Mac 2023 telah diadakan mesyuarat perbincangan bersama delegasi dari Singapura bertempat di Tingkat 24, Menara KOMTAR, JBCC.



YAYASAN JCORP

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life



Sila imbas kod QR ini

YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR

JBCC, 80000 Johor Bahru

Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 607-219 2692

Email: yayasanjohorcorporation@jcorp.com.my



yayasanjohorcorporation



yayasanjcorp

www.yayasanjcorp.com.my